

18/01/2004

Felda: Warga bertuah perlu berubah

Ismail Mat

MINGGU lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan lima strategi untuk menjadikan rancangan tanah Felda sebagai kawasan pembangunan ekonomi raksasa yang diharap dapat mengurangkan perbezaan pendapatan di antara penduduk bandar dan luar bandar.

Strategi itu, jika dilaksanakan mengikut jadual sudah pasti menggembirakan semua 103,000 keluarga peneroka Felda seluruh negara. Soalnya, adakah kehidupan peneroka sekarang belum selesai, pendapatan tidak mencukupi dan mereka tidak mahu mengubah sikap dan enggan berusaha memajukan diri sendiri untuk menjadi petani moden?

Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT menemubual Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor di pejabatnya di ibu negara, kelmarin untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai usaha memoden dan memajukan peneroka Felda yang selama ini dianggap warga kelas dua.

BAGAIMANA kehidupan masyarakat Felda masa kini, terutama dari segi jumlah pendapatan mereka. Sudahkah pulih daripada kesan kegawatan ekonomi yang dihadapi negara sebelum ini?

Kalau kita lihat kepada aspek pendapatan yang diperoleh semua peneroka dan ladang pengurusan Felda, memang ia boleh dianggap baik kerana harga komoditi pada tahun lalu adalah antara terbaik. Kesannya pendapatan peneroka Felda lebih stabil dan kini lebih RM1,000 sebulan. Yang dialami pada masa lalu, bila harga komoditi baik dan masyarakat yang berkaitan tidak membuat persediaan menyebabkan mereka menghadapi masalah. Berikutan itu, pada masa harga komoditi baik, kita kena bimbang mereka tidak terlalu cepat membuat komitmen perbelanjaan kerana harga komoditi adalah di luar kawalan kita.

Ketika harganya merudum, pendapatan peneroka merosot hingga kurang RM400 sebulan. Pada masa itu memang ada langkah untuk membantu mereka tetapi kalau mereka mempunyai banyak sumber pendapatan lain misalnya menerusi kegiatan usahawan yang boleh diambil bahagian, mereka tidak akan menghadapi masalah. Kesulitan dihadapi kerana mereka tidak mempunyai sebarang kegiatan tambahan atau sumber lain.

Itu merujuk kepada peneroka sawit, bagaimana pula dengan peneroka getah?

Harga getah kini baik tetapi ia bergantung kepada kerajinan peneroka sendiri. Dalam suasana harga kini, mereka boleh memperoleh hingga lebih RM1,200 sebulan. Pada masa harga getah meningkat pendapatan penoreh getah ada lebih daripada sawit, tetapi ada peneroka hanya menoreh sekadar untuk belanja keperluan harian saja.

Felda kini mengambil langkah lebih khusus mengenai getah apabila mulai tahun lalu, kita menubuhkan jabatan khas untuk mengawasi perkembangannya. Kita merangka strategi untuk mengubah pandangan bahawa penoreh getah adalah miskin, sedangkan perbandingan dengan penoreh di Thailand, mereka tidak dianggap sebagai orang yang susah.

Getah bukan hanya memberi pendapatan menerusi susu, tetapi kayunya apabila ditebang mempunyai nilai di samping itu pelbagai tanaman sampingan lain boleh ditanam. Secara tradisinya, orang ramai beranggapan penoreh getah miskin dan penoreh sendiri berasaskan diri mereka miskin. Kita mahu mengubah persepsi ini dan setiap pemilik kebun getah mesti memaksimumkan penggunaan tanah dengan membangunkannya dengan pelbagai kegiatan ekonomi yang meningkatkan pendapatan.

Getah dianggap boleh mempelbagaikan sumber pendapatan kepada peneroka tetapi di kawasan utara, kawasan kebun digantikan dengan sawit. Kenapa ini

pula yang berlaku?

Sejak beberapa tahun lalu, dasar kerajaan memberi insentif RM1,000 sehektar kepada getah yang ditukarkan kepada sawit. Felda yang mendokong dasar kerajaan turut melaksanakan program itu kerana sawit juga adalah punca pendapatan yang stabil tetapi tidak semua ladang getah ditukar kepada sawit sebaliknya kita melaksanakan secara terancang.

Peneroka yang kekal dengan tanaman getah tidak bermakna mereka tidak berpeluang dapat pendapatan lebih tetapi mereka kena ambil langkah tambahan tanpa bergantung kepada getah saja. Selain penggunaan klon getah baru yang boleh menjadikan balak yang berkualiti, penoreh juga boleh menyertai bidang keusahawanan dengan membabitkan diri dengan ternakan ayam dan ikan yang boleh dilaksanakan di kawasan tanah masing-masing. Saya yakin pendekatan yang dirancang jika dilaksanakan secara menyeluruh, boleh mengikis kaitan kemiskinan dengan getah.

Ada dakwaan menyatakan hasil sawit Felda lebih rendah berbanding kawasan yang diusahakan oleh syarikat perladangan?

Mengikut rekod yang ada, pengeluaran hasil sawit tahunan Felda ialah 20 tan setahun bagi setiap ekar, sedangkan paras kebangsaan ialah 19 tan setahun manakala kadar perahan pula seimbang dengan paras kebangsaan. Kalau sesetengah pihak melihat paras pengeluaran hasil Felda rendah, kita perlu lihat keadaan pokok dan umur pokok. Kalau dibandingkan usia umur pokok kawasan Felda, kebanyakan pokok sudah tua tetapi masih bertahan.

Selain itu, faktor tanah Felda pula berada di kawasan pedalaman dan berisiko tinggi, serta muka bumi yang kurang sempurna tetapi kita masih berupaya pastikan hasil ladang yang baik. Dari segi pengeluaran sawit, sekiranya hendak dibuat bandingan dengan pihak lain, jika berdasarkan keadaan usia kebun dan keadaan tanah, situasi semasa menunjukkan keupayaan ladang Felda sebenarnya lebih baik. Felda juga sudah mengenalpasti kawasan yang sesuai daripada 800,000 hektar tanah yang dikendalikannya untuk kita jadikan sebagai ladang contoh negara kerana kita sedang membuat persediaan menyambut ulang tahun ke-50 Felda pada 2006. Matlamat kita adalah ialah, setiap ekar kebun sawit Felda mesti mencapai pengeluaran lebih 20 tan setahun.

Memang sesetengah kawasan boleh mencapai hasil 25 hingga 28 tan setahun, tetapi kawasan ladang seperti itu tidak menyeluruh kerana keadaan tanah dan usia pokok. Tahun ini, kita meletakkan matlamat pencapaian 2020. 20 pertama merangkumi pengeluaran ladang mesti lebih 20 tan ke atas bagi setiap ekar meskipun dalam keadaan pokok yang sudah meningkat usianya, manakala 20 kedua adalah pulangan kepada pelaburan yang dibuat oleh Felda mesti tidak kurang 20 peratus setahun.

Sasaran kita mahu menjadikan Felda sebagai world bench mark dalam industri sawit. Felda merancang kita tutup 50 tahun pertama dengan keadaan sebaik-baiknya dan 50 tahun kedua, Felda akan meningkat lebih maju dan baik lagi kerana Felda adalah satu-satunya agensi kerajaan yang menempuh pelbagai kesulitan tetapi berjaya melaksanakan misinya membantu rakyat dan negara.

Hasil kejayaan Felda, semua hutang dengan Bank Dunia dan Kerajaan Pusat sebanyak RM8 bilion untuk membangunkan kawasan Felda berjaya diselesaikan pada 1996 walaupun tempoh sebenarnya adalah 2010. Jarang agensi kerajaan berjaya berbuat demikian. Ia adalah hasil komitmen semua pihak.

Dalam usaha menguruskan kejayaan ini, kita mesti mengekalkan komitmen yang tinggi. Bagi kawasan yang diusahakan peneroka, mereka sewajarnya sepakat menguruskan ladang mereka secara bersama dengan Felda dan tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana yang mahu melihat mereka menyisihkan diri dari Felda.

Peneroka tidak mempunyai kekuatan untuk menguruskan kawasan sendirian. Mereka kini perlu berwaspada terhadap golongan yang memberi galakan kepada

mereka supaya tidak berurusan dengan Felda selepas mendapat hak milik. Mereka mungkin melihat keuntungan yang dijanjikan untuk jangka pendek tetapi dalam jangka panjang mereka sebenarnya akan menghadapi banyak masalah dan kerugian.

Kenapa ada perbezaan antara hasil ladang yang diusahakan peneroka dengan yang diusahakan oleh Felda secara perladangan.

Memang kita menyedari perbezaan pengeluaran hasil tetapi keadaan tanah bukan jadi perkara utama pengeluaran berbeza. Keadaan tanah dan kesuburannya hampir sama tetapi dari kajian yang dibuat secara berterusan mendapati aspek pengurusan yang menjadi punca terutama cara pembajaan dan penjagaan pokok.

Menyedari keadaan itu, Felda kini mengatur strategi untuk atasi masalah ini kerana dua pertiga kawasan kebun di seluruh negara dimiliki pekebun kecil, manakala satu pertiga lagi milik syarikat perladangan atau estet, tetapi hasil pekebun kecil kurang berbanding sektor perladangan. Saya yakin ini bersifat sementara jika pekebun kecil yang ada geran terutama kawasan Felda, rancang secara bersama dan urus secara profesional, walaupun usia tua tetapi letakkan tanah mereka di bawah pengurusan yang terbukti berkesan dan berjaya seperti Felda sendiri.

Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk menguruskan kawasan Felda?

Jumlah perbelanjaan pengurusan sekitar RM330 juta setahun termasuk 10 peratus peruntukan untuk tujuan sosial. Peruntukan sosial akan berubah mengikut keadaan. Aspek sosial ini termasuk pendidikan anak peneroka, kegiatan keusahawanan, pinjaman yang diberikan mengikut keperluan tetapi kita mengelak daripada memberi bantuan tunai.

Sejak 1996, kerajaan menghentikan bantuan kepada Felda lebih RM300 juta setahun. Namun tanpa bantuan kerajaan itu, Felda masih berjalan seperti biasa kerana keuntungan dari pengurusan perladangan itu yang digunakan untuk membiayai pengurusan keseluruhan Felda walaupun sumbangan daripada sektor peneroka Felda kurang.

Kita berharap 100,000 peneroka yang kebanyakannya sudah lanjut usia yang memiliki lebih 400,000 hektar dalam Felda terus menyokong pendekatan Felda. Namun, masih ada yang keliru mengenai kedudukan Felda sebagai sebuah syarikat. Walaupun sebuah syarikat tetapi ia adalah milik dan dikuasai kerajaan. Berbanding syarikat biasa, tidak mungkin mereka sanggup berbelanja besar untuk tujuan dan kepentingan sosial yang dilaksanakan untuk peneroka selama ini. Kekeliruan yang terjadi ini adalah berpunca daripada usaha pihak tertentu yang mahu dapat untung daripada peneroka yang menyisih diri daripada Felda.

Apa pula usaha Felda untuk memastikan penggunaan tanah sedia ada dimaksimumkan?

Mulai tahun lalu, Felda membuat keputusan memaksimumkan penggunaan tanah kerana di kawasan tanah rancangan ada jalan sepanjang lebih 5,000 kilometer yang tidak dibangunkan dan hanya dinaiki semak tetapi tahun lalu kita sudah menanam pokok jati untuk tujuan balak dalam tempoh 20 hingga 30 tahun lagi.

Berdasarkan anggaran, hasil projek itu berupaya menyumbang purata tambahan pendapatan kira-kira RM10 juta setahun apabila sampai tempohnya. Selain itu, kita memberi galakkan kepada peneroka untuk mengusahakan tanaman herba yang dikenal pasti di kawasan rumah mereka.

Kenapa ketika usia hampir mencecah 50 tahun, kawasan Felda gagal menjadi pusat pertumbuhan ekonomi termasuk kemunculan kawasan industri baru untuk generasi keduanya dan masyarakat sekeliling?

Semua pihak mesti memahami apa yang diharapkan oleh kerajaan daripada Felda ketika awal penubuhannya. Matlamat penubuhan Felda adalah untuk membangunkan tanah supaya peneroka yang asalnya tidak bertanah dan miskin,

kini memperoleh tanah dan berjaya memperoleh pendapatan yang sewajarnya.

Pada saya matlamat penubuhan Felda sebenarnya sudah dipenuhi termasuk kejayaan menyediakan peluang pendidikan untuk anak peneroka. Namun, kini muncul pandangan daripada perspektif generasi baru peneroka, mereka juga menaruh harapan supaya kerajaan juga memberi perhatian yang sama seperti perhatian kepada ayah mereka sebelum ini.

Saya berpendapat keadaan ini berlaku kerana pada masa ini iaitu generasi ketiga ingin lihat kawasan mereka terus maju. Namun, dalam kehendak melihat kemajuan di kawasan Felda, kita mesti tahu apa bentuk pelaburan yang perlu dilakukan dan ia menjadi tanggungjawab siapa. Kalau usaha itu hendak diletakkan kepada Felda, Felda mesti mempunyai kemampuan kewangan yang cukup baik tetapi kita jangan lupa tugas mengembangkan tanah rancangan Felda menjadi ladang yang terbaik.

Kalau kita nak tumpu kepada bidang tambahan, matlamat asal itu mesti dipenuhi terlebih dulu, manakala bidang tambahan itu mesti dilihat sebagai tanggungjawab bersama, bukan Felda secara sendirian.

Kalau kita mahukan membandarkan tanah rancangan, membina kawasan industri serta institusi pendidikan, Felda bersedia tetapi mesti diberi sokongan kewangan.

Apakah usaha untuk memastikan anak muda Felda tidak berhijrah ke bandar?

Penghijrahan tenaga muda dari kawasan luar bandar ke bandar terus berlaku sehingga mereka mempunyai ruang atau peluang ekonomi yang boleh diceburi di kawasan desa.

Sebagai pengerusi Felda, saya berusaha memastikan sebahagian peruntukan untuk tujuan sosial digunakan untuk pelaksanaan projek yang sesuai dan munasabah yang dapat menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan kepada anak muda. Selain mengambil alih tugas membangunkan ladang milik keluarga kerana kebanyakan generasi pertama sudah lanjut usia, Felda juga memperelokkan keindahan semula jadi sekitar Felda yang sesuai dimajukan sebagai tarikan pelancong supaya orang bandar pula pergi ke Felda.

Hasil pendekatan ini, kita berjaya membangunkan kawasan air panas yang menjadi tumpuan ribuan pengunjung pada hujung minggu di Sungai Kelah, Perak. Selain itu, kita juga sedang berusaha mengenal pasti aspek pelancongan ke kawasan gua di sekitar Kota Gelanggi, Pahang. Kita mahu promosi ia sebagai tarikan pelancongan tetapi usaha ini memerlukan kerjasama dan sokongan agensi kerajaan lain juga. Kalau semua hal Felda kena buat, kita sanggup tetapi kita bimbang misi sebenar Felda pula tersasar.

Maknanya, secara keseluruhan, misi asal penubuhan Felda untuk membantu rakyat miskin sudah tercapai tetapi kini menghadapi permintaan generasi mereka pula?

Misi penubuhan Felda sebenarnya sudah tercapai dan berjaya dipenuhi, malah ia menjadi rancangan pembasmian kemiskinan yang paling berjaya di dunia. Pencapaian anak peneroka juga baik berbanding sekolah luar bandar lain. Berdasarkan kajian, 70 peratus generasi baru Felda berjaya memasuki institusi pengajian tinggi atau melanjutkan pelajaran, manakala kira-kira 30 peratus lagi tercicir kerana pelbagai sebab, namun kita tetap memberi perhatian dan berusaha memberi bimbingan untuk memastikan mereka tidak mudah terjebak dengan masalah sosial.

Istilah perkampungan moden yang dikenali sebagai Felda Jaya itu kelihatan menarik tetapi bagaimana pengisiannya pula?

Felda Jaya bertujuan mengubah imej kampung Felda yang sekarang ini sebab saya dapati masih ada pihak beranggapan Felda masih dalam keadaan teruk dan rumit. Saya sendiri mempunyai pandangan sebegitu sebelum menyertai Felda, tetapi apabila melawat sendiri dan berada di dalamnya, saya dapati Felda sudah mempunyai pelbagai kemudahan dan infrastruktur yang lengkap malah lebih baik dari sesetengah tempat lain.

Usaha memodenkan Felda adalah keputusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang mahu kawasan Felda ditingkat kemajuannya kerana tidak mahu penduduknya ketinggalan kerana kebanyakannya adalah orang Melayu. Felda mengambil langkah segera dengan memilih tiga lokasi iaitu Felda Jaya Timur, Utara dan Selatan mewakili zon sebab kita tak mampu buat semua sekali gus.

Projek ini membabitkan pembangunan rumah dan kawasan komersial. Rumah yang dibina di kawasan itu adalah rumah batu sebuah dengan kemudahan empat bilik tidur yang akan dijual kepada peneroka dan generasi baru mereka. Kawasan itu juga akan dibangunkan dengan kemudahan kolej, pusat kemudahan industri kecil dan sederhana serta kegiatan komersial lain. Ia bakal menjadi Felda moden. Projek yang sedang berjalan ini dijangka siap pada 2005.

Apa rasional membina perumahan baru itu dan dijual kepada peneroka sedangkan perumahan sudah ada?

Kita buat rancangan ini kerana permintaan begitu tinggi daripada peneroka sedia ada terutama generasi muda. Selain itu, ada peneroka yang memohon agar rumah mereka dibaiki terutama peneroka cacat dan menghadapi masalah kesihatan. Kebanyakan peneroka, apabila sudah ada pendapatan, mereka melakukan ubah suai rumah yang disediakan itu mengikut keperluan atau membina rumah di tempat lain di luar Felda. Kita akan siasat kalau kegagalan mereka berubah kerana masalah lain kerana ada orang yang sanggup membiarkan diri mereka berada dalam keadaan miskin kerana memikirkan akan mendapat bantuan, tetapi dalam Felda golongan sebegini tidak ramai.

Felda melaksanakan Program Sawari (Satu Wilayah Satu Industri). Setakat mana kejayaan pelaksanaan program itu di seluruh negara?

Ketika ini, perusahaan yang ada dalam kawasan Felda di seluruh negara masih di peringkat industri kampung dengan pasaran yang terhad berikutan faktor pengeluaran dan pemasaran serta mencapai tahap industri kecil dan sederhana (IKS). Felda sedang mengenal pasti potensi setiap perusahaan kecil yang diusahakan oleh peneroka secara kecil-kecilan itu sebelum kita memberi bantuan pengembangan untuk ia berkembang lebih maju. Kita akan menghantar pegawai untuk membuat pembelian mesin pengeluaran yang sesuai bagi membantu mereka memajukan perusahaan yang berpotensi supaya pengusahanya dapat melakukan proses pengeluaran mengikut permintaan.

Adakah sebarang kawasan Felda di seluruh negara yang bakal dimajukan dengan projek perindustrian dan pengambilan tanah peneroka yang akan menyebabkan peneroka memperoleh pampasan yang besar?

Setakat ini, kita menerima beberapa permintaan daripada sektor swasta yang berminat untuk membeli tanah rancangan yang dimiliki oleh peneroka Felda di seluruh negara terutama yang terletak berhampiran Lembah Klang. Felda tidak mempunyai sebarang masalah untuk memberi persetujuan dengan syarat pihak terbabit berkeupayaan membayar pampasan sewajarnya kepada pihak yang terbabit. Selain itu, ia juga bergantung kepada kelulusan kerajaan negeri terhadap kesediaan membenarkan tukar syarat tanah pertanian kepada industri atau perumahan.

Apa perkembangan usaha menyenaraikan Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sejauh manakah ia difahami oleh masyarakat Felda?

Ketika ini, Felda hanya menunggu keputusan kerajaan berhubung penyenaian yang hendak dilakukan itu. Kita sentiasa menyokong usaha kerajaan. Begitu juga peneroka Felda dan generasi baru. Saya mahu tegaskan yang peneroka tidak perlu bimbang terhadap nasib tanah yang diusahakan kerana kawasan terbabit tidak terbabit sama sekali dengan penyenaian Felda yang hanya membabitkan tanah yang diusahakan secara perladangan oleh Felda selama ini. Mereka perlu menolak usaha pihak tertentu yang sengaja menyebarkan pelbagai fitnah kerana mereka sebenarnya mahu mengambil kesempatan meraih sokongan dari kekeliruan peneroka. Setiap peneroka mesti

menaruh keyakinan kepada kerajaan kerana Felda adalah milik kerajaan dan tidak akan membiarkan sebarang kegagalan yang boleh menimbulkan masalah kepada rakyat.